

# Sukan

## Emas kedua buat Alfian tanam tekad terus cemerlang

Juara berganda silat pupuk azam buru kejohanan dunia dan pingat emas di Sukan Asia pada 2018



“Mungkin saya terlalu fokus pada perlawanan. Saya hanya sedar kaki saya luka apabila pengadil menghentikan perlawanan dan menyuruh saya mendapatkan rawatan. Selepas itu baru saya terasa sakit sedikit... Memenangi pingat emas memang sukar. Tapi orang kata, memenangi pingat emas kedua jauh lebih sukar. Kini baru saya tahu kata-kata itu memang benar... Kemenangan yang diraih diiringi dengan perasaan gembira yang sukar digambarkan... dan saya berhasrat menikmatinya lagi.”

– Muhammad Nur Alfian Juma'en (atas) begitu gembira meraih pingat emas dan mengharumkan nama negara.



MASA ISTIMEWA: Muhammad Nur Alfian (kanan) menghargai setiap saat yang dapat diluangkan bersama keluarganya seperti pada waktu berbuka 1 Ramadan lalu. Bersamanya ialah (dari kiri) ibunya, Cik Dalifah Darawi (berdiri), neneknya, Cik Fatimah Mahfod, Nur Fazlin, abangnya Muhd Nurazli, Muhd Nurhadi dan ayahnya Encik Juma'en Ali. – Foto KHALID BABA